



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA SEGERA SARAWAK HARI INI MEREKODKAN LAPAN (8) LAGI KES BAHARU POSITIF COVID-19

1. LAPORAN HARIAN

Sarawak hari ini merekodkan **lapan (8) lagi** kes baharu positif COVID-19, menjadikan jumlah bilangan kes di Sarawak sebanyak **371 kes** sejak kes positif pertama dilaporkan pada 13 Mac 2020. Semua 8 kes tersebut dirawat di Hospital Umum Sarawak.

Manakala, sebanyak **150 kes baharu** *Person Under Investigation* (PUI) dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak **2,949 kes**. Daripada jumlah itu, **2,419 kes** adalah negatif dan **159 kes PUI** masih menunggu keputusan makmal.

Daripada jumlah **122 kes PUI** baharu yang dilaporkan hari ini di Kuching, **67 kes** adalah disaring di Kompleks Belia dan Sukan dan **55 kes PUI** disaring di Hospital Umum Sarawak.

Statistik Kes PUI baharu mengikut Daerah.

| BIL | DAERAH | JUMLAH |
|---------------|---------------|---------------|
| 1 | Kuching | 122 |
| 2 | Miri | 12 |
| 3 | Samarahan | 9 |
| 4 | Serian | 4 |
| 5 | Bau | 1 |
| 6 | Simunjan | 1 |
| 7 | Bintulu | 1 |
| JUMLAH | | 150 |

Sehingga hari ini, terdapat empat (4) kluster utama yang telah dikenalpasti iaitu:

| BIL | KLUSTER | JUMLAH KES POSITIF |
|---------------|---------------------------|-------------------------------|
| 1 | Kluster GNF Conference | 117 |
| 2 | Kluster Tabligh | 92 |
| 3 | Family RK (Italy) | 50 |
| 4 | Kluster Healthcare worker | 13 |
| Jumlah | | 272 |

Terdapat kluster kecil sebanyak 13 kluster yang melibatkan ahli keluarga, rakan sepejabat, jiran, dalam penerbangan dan kakitangan kesihatan di mana jumlah kes positif dalam kluster ini adalah **53 kes**. Siasatan masih lagi diteruskan untuk mengetahui punca jangkitan di kalangan kes ini.

Terdapat **46 kes** yang masih dalam siasatan untuk pihak Jabatan Kesihatan menentukan sama ada kes-kes ini adalah dalam bentuk kluster ataupun berasingan.

Memandangkan Bahagian Kuching dan Samarahan adalah kawasan (*Red Zone*) dan bagi meningkatkan kapasiti pusat saringan COVID-19 di Hospital Umum Sarawak dan Kompleks Belia dan Sukan, maka Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak telah menambah beberapa lagi pusat saringan iaitu di Kota Samarahan (untuk orang awam dengan saringan Pandu Lalu) dan Klinik Kesihatan Petra Jaya (untuk barisan hadapan dengan saringan Pandu Lalu).

Bagi pusat saringan di Kota Samarahan yang telah dibuka 22 Mac yang lalu, sebanyak **1,604 orang** telah di saring. Daripada jumlah sebanyak **1,346 sampel** telah diambil dan sebanyak **35 kes** adalah positif. Manakala Pusat Saringan Pandu Lalu yang telah dibuka da 13 April lalu, sebanyak **137 sampel** telah diambil.

Sejumlah RM6.5 juta PPE dari China dibawah Pakej Bantuan Sarawakku Sayang yang tiba dengan menggunakan MAS Kargo pada 9 April yang lalu, telah diagihkan di 33 fasiliti kesihatan seluruh Sarawak. Manakala baki 3 lagi hospital akan dihantar secepat mungkin.

2. PEMANTAUAN TEMPOH PKP

Pada hari ini, pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan adalah sebanyak **97%**. Semalam pihak Polis telah menangkap **26 orang** di Sarawak kerana melanggar PKP dan **222 orang** telah dikompaun.

Sehingga hari ini, sejak tempoh PKP bermula 18 Mac, sebanyak **733 orang** telah dikompaun dan **633 orang** telah ditangkap.

3. PENEMPATAN SEMUA RAKYAT SARAWAK (DARI LUAR NEGARA / SEMENANJUNG / SABAH DAN LABUAN) DI PUSAT KUARANTIN

Pada hari ini terdapat penambahan seramai **22 orang** rakyat Sarawak yang tiba dari luar negara / Semenanjung / Sabah / Labuan menjadikan jumlah keseluruhan seramai **1,096 orang** yang telah ditempatkan di Pusat Survelan sebagai PUS (*Person*

Under Surveillance) di Bahagian Kuching, Bintulu, Miri dan Limbang.

4. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

Jawatankuasa Pengurusan Bencana hari ini telah membuat keputusan-keputusan seperti berikut:

- a) Kerja-kerja menyelenggara menara telekomunikasi dan pembukaan pusat internet di kawasan hijau (*green zone*) adalah **DIBENARKAN**
- b) Pengagihan topeng muka akan dilakukan tidak lama lagi dimana enam (6) keping bagi setiap isi rumah untuk kawasan merah dan empat (4) keping untuk isi rumah di kawasan kuning dan hijau. Penyelarasan pengagihan akan dibuat oleh Residen dan Pegawai Daerah. Inilah janji yang telah diumumkan oleh YAB Ketua Menteri.
- c) Saya ingin mengingatkan kepada semua agensi kerajaan mahupun swasta untuk mematuhi semua arahan yang telah dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak.

5. RUMUSAN

Sarawak berada di dalam keadaan yang terkawal dengan kadar pematuhan PKP 97%. Saya menyeru agar rakyat Sarawak terus mematuhi arahan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan demi mengekang penularan COVID-19 ini daripada terus merebak.

(STAY AT HOME, STOP THE SPREAD AND SAVE LIFE)

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

15 APRIL 2020

4.30 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. OPERASI PDRM

Berikut adalah jumlah orang yang telah dikompaun harian mengikut Daerah (sehingga 15.04.2020 @ 8.00 pagi).

| BIL | DAERAH | JUMLAH ORANG |
|---------------------------|----------------|---------------------|
| 1 | Sibu | 32 |
| 2 | Kuching | 31 |
| 3 | Kota Samarahan | 28 |
| 4 | Bintulu | 28 |
| 5 | Serian | 25 |
| 6 | Saratok | 17 |
| 7 | Bau | 16 |
| 8 | Miri | 8 |
| 9 | Padawan | 8 |
| 10 | Lundu | 8 |
| 11 | Betong | 5 |
| 12 | Sarikei | 5 |
| 13 | Lawas | 5 |
| 14 | Lubok Antu | 2 |
| 15 | Limbang | 1 |
| 16 | Marudi | 1 |
| 17 | Simunjan | 1 |
| 18 | Matu Daro | 1 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 222 |

Berikut adalah kes tangkapan harian mengikut Daerah (sehingga 15.04.2020 @ 8.00 pagi).

| BIL | DAERAH | JUMLAH ORANG |
|---------------------------|----------------|---------------------|
| 1 | Miri | 15 |
| 2 | Kota Samarahan | 7 |
| 3 | Kuching | 2 |
| 4 | Limbang | 1 |
| 5 | Padawan | 1 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 26 |

2. SURVEILLANCE CENTER DI HOTEL

(Data sehingga 15.04.2020 @ 8.00 pagi)

| BIL | BAHAGIAN | HOTEL | BILANGAN PUS |
|------------|-----------------|---------------------|---------------------|
| 1 | Kuching | Hock Lee | 116 |
| 2 | | Rajah Court Dormani | 85 |
| 3 | | Kuching Park | 78 |
| 4 | | Pullman | 100 |
| 5 | Miri | Mega | 81 |
| 6 | | Somerset | 45 |
| 7 | | Ostay Inn | 19 |
| 8 | | Cosy Inn | 42 |
| 9 | | Imperial Palace | 145 |
| 10 | | Eastwood Resort | 25 |
| 11 | | Imperial | 32 |
| 11 | Limbang | Purnama | 97 |
| 11 | Bintulu | Park City Everly | 231 |

| | |
|-------------------|--------------|
| Jumlah PUS | 1,096 |
|-------------------|--------------|

3.OPERASI PBT DAN NYAHCEMAR

- i. Seramai 870 kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah melaksanakan tugas semasa PKP dan terdapat 54,610 premis perniagaan dilesen oleh PBT di seluruh negeri Sarawak.

- ii. Pada hari ini, sebanyak 19 lokasi operasi nyahcemar telah dilakukan dan bilangan kumulatif lokasi di Bahagian di Sarawak adalah seperti berikut:

| BIL | BAHAGIAN | LOKASI |
|---------------|-----------------|---------------|
| 1 | Kuching | 67 |
| 2 | Miri | 49 |
| 3 | Limbang | 15 |
| 4 | Sarikei | 14 |
| 5 | Samarahan | 10 |
| 6 | Bintulu | 10 |
| 7 | Sri Aman | 8 |
| 8 | Betong | 5 |
| 9 | Sibu | 3 |
| 10 | Serian | 1 |
| Jumlah | | 182 |

- iii. Secara kumulatif, berikut adalah agensi yang terlibat dalam operasi nyahcemar sehingga 15 April 2020.

| BIL | AGENSI | BILANGAN PETUGAS |
|---------------|----------------|-----------------------------|
| 1 | JBPM | 1,409 |
| 2 | PBT | 809 |
| 3 | KKM | 337 |
| 4 | APM | 174 |
| 5 | RELA | 127 |
| 6 | PDRM | 102 |
| 7 | Pejabat Daerah | 35 |
| 8 | Lain-Lain | 49 |
| Jumlah | | 3,042 |